



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2**  
**KOD KURSUS : MPU2123**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A [ 20 MARKAH ]**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan objektif.

1.

- Wujud hubungan dengan masyarakat luar.
- Terlibat dalam aktiviti perdagangan.
- Pandai membuat dan menggunakan alat

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merujuk kepada zaman

- A** Logam
- B** Neolitik
- C** Mesolitik
- D** Paleolitik

2. Apakah kepercayaan manusia pada zaman Neolitik?

- A** Islam.
- B** Hindu.
- C** Buddha.
- D** Animisme.

3. Mengapakah lembah sungai menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia?

- A** Kesuburan tanah.
- B** Kubu pertahanan.
- C** Keluasan kawasan.
- D** Keamanan persekutuan.

4. Siapakah yang berperanan seperti Menteri Kewangan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Bendahara.
  - B Laksamana.
  - C Temenggung.
  - D Penghulu Bendahari.
5. Antara yang berikut, manakah senjata yang digunakan orang Melaka semasa berperang dengan askar portugis?
- A Pistol.
  - B Lembing.
  - C Senapang.
  - D Bom tangan.
6. Apakah nama sistem undang-undang yang digunakan bagi peraturan perdagangan, peraturan hukum jenayah di laut dan di pelabuhan ketika pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka?
- A Perjanjian London.
  - B Undang-undang Laut.
  - C Hukum Kanun Melaka.
  - D Sistem Pembesar Empat Lipatan.
7. Mengapakah A.M Azhari menentang gagasan Malaysia?
- A Melindungi hak peribumi.
  - B Mengawal kekayaan setiap negeri.
  - C Menubuhkan Persekutuan Borneo.
  - D Menolak dasar penaklukan British di Tanah Melayu.

8. Apakah cara yang digunakan oleh orang Melayu untuk menentang Malayan Union?
- A Revolusi bersenjata.
  - B Gerakan bawah tanah.
  - C Serangan secara gerila.
  - D Penulisan dalam akhbar.



Gambar 1

9. Gambar 1 menunjukkan bantahan masyarakat tempatan dalam penubuhan Malayan Union. Apakah tujuan penubuhan ini ditubuhkan?
- A Kukuhkan pertahanan Belanda di Tanah Melayu.
  - B Meningkatkan kuasa politik orang Melayu.
  - C Jimatkan perbelanjaan pentadbiran British.
  - D Meluaskan kuasa Raja-raja Melayu.

10.

Kadazan	Murut	Bajau
---------	-------	-------

**Pernyataan 2**

Pernyataan 2 merujuk kepada etnik di sebuah negeri. Namakan negeri tersebut?

- A Sabah.
- B Kedah.
- C Sarawak.
- D Negeri Sembilan.

11.

Masyarakat Cina Tionghua Kelantan tidak pernah rasa terpinggir walaupun di sekeliling mereka adalah orang-orang Mealyu beragama Islam. Kesenian dan kebudayaan tempatan diterima dan mempengaruhi kesukaan mereka.

**Pernyataan 3**

Apakah istilah yang sesuai bagi menjelaskan pernyataan 3 di atas?

- A Asimilasi.
- B Akulturasi.
- C Akomodasi.
- D Amalgamasi.

12. Dasar Pecah dan Perintah (Divide and Rule) adalah satu kaedah imperialisme penjajah British yang digunakan di Tanah Melayu satu ketika dahulu. Apakah pekerjaan Masyarakat Melayu semasa dasar ini dilaksanakan ?

- A Petani.
- B Penjaja.
- C Peladang.
- D Pelombong.

13.

Pemisahan kelompok ras secara paksa merupakan bentuk diskriminasi yang diterapkan dalam struktur sosial seperti Dasar Apartheid yang pernah berlaku di Afrika Selatan.

**Pernyataan 4**

Apakah istilah hubungan etnik yang sesuai bagi menjelaskan pernyataan di atas?

- A Autokrasi.
  - B Akulturasi.
  - C Segregasi.
  - D Amalgamasi.
14. Pembentukan Malaysia memperlihatkan Sabah dan Sarawak menyertai Tanah Melayu secara rasminya. Bilakah tarikh sebenar pembentukan Malaysia ?
- A 31 Ogos 1957.
  - B 31 Ogos 1963.
  - C 16 September 1957.
  - D 16 September 1963.

Perayaan ini diraikan pada hari ke-15 selepas Tahun Baru yang juga merupakan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina.

**Pernyataan 5**

15. Pernyataan 5 menerangkan tentang salah satu perayaan yang disambut oleh masyarakat Cina. Apakah perayaan tersebut?
- A Chap Goh Mei.
  - B Perayaan Kuih Bulan.
  - C Perayaan Ching Ming.
  - D Perayaan Hantu Lapar.

16.

- *Perayaan ini disambut pada 14 April setiap tahun.*
- *Penganut perayaan ini akan berkumpul dan menjalani upacara mandi minyak.*
- *Penganut akan pergi ke rumah ibadat mereka iaitu kuil.*

**Pernyataan 6**

Berdasarkan pernyataan 6, apakah jenis perayaan yang menggambarkan pernyataan di atas?

- A** Ponggal.
  - B** Thaipusam.
  - C** Tahun Baru India.
  - D** Perayaan menyambut dewa.
17. Agama Buddha merupakan agama kedua terbesar di Malaysia. Majoriti penganutnya adalah terdiri daripada etnik Cina. Apakah Mazhab agama Buddha yang dipegang oleh mereka di Malaysia?
- A** Veda.
  - B** Theravada.
  - C** Mahayana.
  - D** Ramayana
18. Setiap tahun orang Melayu yang beragama Islam akan menyambut hari Raya Aidiladha sempena memperingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menjalankan perintah Allah s.w.t. Mengikut kalendar Islam, pada bulan apakah perayaan ini disambut ?
- A** Syawal.
  - B** Zulhijjah.
  - C** Ramadan.
  - D** Zulkaedah.




19. Apakah perayaan utama bagi penganut agama Buddha?
- A Diwali.
  - B Wesak.
  - C Baptism.
  - D Deepavali.
20. Apakah kedudukan agama Islam dalam perlembagaan?
- A Agama utama.
  - B Agama Pertama.
  - C Agama perpaduan.
  - D Agama persekutuan.

**BAHAGIAN B [ 60 MARKAH ]**

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

1.




**Rajah 1**

Rajah 1 menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang digunakan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

- a. Namakan X. (1 Markah)
  
- b. Berikan **dua (2)** peranan pembesar X ? (2 Markah)
  
- c. Berikan **tiga (3)** faktor kemerosotan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. (3 Markah)
  
- d. Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan **dua (2)** pengajaran yang boleh diperolehi menerusi kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. (4 Markah)

2.



Gambar 2

Gambar 2 menunjukkan beberapa pegawai British di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan.

- a Berikan nama Pegawai British yang menjawat jawatan Residen bagi negeri Perak, Selangor dan Pahang.  
(3 markah)
- b Namakan **tiga (3)** buah majalah atau akhbar yang diterbitkan oleh golongan Kaum Muda sebagai media perjuangan mereka.  
(3 markah)
- c Sebagai warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme, jelaskan **dua (2)** cara yang boleh anda lakukan bagi mengekalkan kemerdekaan di negara kita.  
(4 markah)

3.




Rajah 2

Rajah 2 ialah Logo Kemerdekaan bagi sambutan kemerdekaan 2019 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 24 Julai 2019.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan tema "Sayangi Malaysiaku; Malaysia Bersih" dalam logo di atas ?  
(2 Markah)
- b. Berikan **dua (2)** tema kemerdekaan yang pernah digunakan bagi menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
- c. Nyatakan **dua (2)** kepentingan menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
- d. Senaraikan **empat (4)** aktiviti yang boleh dijalankan pada sambutan bulan kemerdekaan.  
(4 Markah)

4.



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan asas-asas hubungan Islam di Malaysia.

- a. Namakan X dan Y. (2 Markah)
- b. Senaraikan **dua (2)** contoh X dan Y. (2 Markah)
- c. Terangkan **dua (2)** bentuk toleransi agama yang diamalkan di Malaysia. (2 Markah)
- d. Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan **dua (2)** faktor manusia mempunyai agama. (4 Markah)

5.




Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan amalan yang dijalankan semasa meraikan sesuatu perayaan bagi salah satu kaum yang terdapat di Malaysia.

- a. Nyatakan **dua (2)** amalan yang dilakukan oleh masyarakat seperti di rajah 4 semasa menyambut perayaan tersebut.  
(2 Markah)
- b. Terangkan **dua (2)** faedah toleransi dalam masyarakat majmuk.  
(4 Markah)
- c. Jelaskan **dua (2)** cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan toleransi dalam agama.  
(4 Markah)

6.



Rajah 5

Rajah 5 ialah Rukun Negara yang menjadi ideologi warganegara Malaysia.

- a. Namakan X dan maksudnya. (2 Markah)
  
- b. Nyatakan **dua (2)** aktiviti yang boleh dilakukan x. (2 Markah)
  
- c. Terangkan **dua (2)** faktor Rukun Negara sebagai ideologi kepada warganegara Malaysia. (2 Markah)
  
- d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua (2)** langkah yang wajar diambil oleh warganegara bagi meningkatkan semangat patriotik. (4 Markah)

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **satu (1)** sahaja di dalam Buku Jawapan.

1. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan manifestasi masalah perpaduan kaum di Malaysia. Peristiwa pertelingkahan kaum ini mengakibatkan pelbagai kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Huraikan faktor-faktor yang mengakibatkan Peristiwa 13 Mei 1969 dan pengajaran yang diperoleh daripadanya.

(20 Markah)

2. Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya yang pada asasnya hidup secara aman dan damai. Kepelbagaian ini merupakan satu keunikan yang sepatutnya dirai dan menjadi kebanggaan kita. Huraikan punca yang menyebabkan perselisihan faham berkaitan agama dan budaya bagi kaum di Malaysia dan cadangkan langkah-langkah untuk mengelakkan tercetusnya perkara tersebut.

(20 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**